

Pengiktirafan (2016–Kini)

Memperkuuh Kestabilan, Memacu Kesediaan

Bertitik tolak daripada asas institusi yang kukuh, PIDM memasuki fasa yang bertumpu kepada peningkatan berterusan keupayaan resolusi. Dengan rangka kerja intervensi dan resolusi kegagalan sedia ada, fokus kami beralih kepada pengukuhan kesediaan untuk menguruskan tindakan resolusi teratur bagi institusi kewangan yang tidak berdaya maju, sambil memelihara kestabilan kewangan secara menyeluruh.



Sebagai tindak balas kepada persekitaran kewangan global yang lebih rumit dan mengambil iktibar daripada kegagalan bank antarabangsa baru-baru ini, kami mempertingkatkan inisiatif perancangan resolusi bersama bank ahli. Usaha ini merangkumi pemahaman mendalam tentang fungsi kritikal setiap bank ahli, mengenal pasti serta menangani halangan berpotensi, termasuk membangunkan keupayaan yang diperlukan bagi membolehkan bank menyokong proses resolusi dengan lebih efektif.



Seiring dengan itu, kami turut menambah baik Sistem Premium Berbeza (DPS) untuk menilai profil risiko setiap institusi ahli dengan lebih baik serta menggalakkan amalan pengurusan risiko dan resolusi yang berhemat. Rangka kerja baharu ini memperkenalkan kriteria tambahan yang mengutamakan kebolehselesaian (resolvability), sekali gus mengukuhkan amalan pengurusan risiko yang proaktif dalam industri.

Inisiatif ini disokong oleh kerjasama lebih erat antara agensi serta kerjasama berterusan dengan rakan domestik dan antarabangsa. Melalui latihan simulasi bersama, perkongsian ilmu, serta penglibatan rentas sempadan, kami terus membina tahap kesediaan institusi untuk beroperasi dengan efektif dalam persekitaran kewangan yang kompleks.

Di peringkat dalaman, kami mengutamakan infrastruktur digital yang mantap, menambah baik tadbir urus data, serta memperkuuhkan aspek keselamatan siber – meletakkan atas kepada kecekapan dan daya tahan yang lebih tinggi.

Kelestarian juga menjadi keutamaan kami, dengan usaha untuk mengurangkan kesan kepada alam sekitar serta mengintegrasikan prinsip alam sekitar, sosial dan tadbir urus (environmental, social and governance – ESG) dalam operasi PIDM.

Kesedaran awam dan penglibatan pihak berkepentingan terus menjadi tumpuan. Kami melaksanakan strategi komunikasi digital yang lebih interaktif bagi membantu masyarakat memahami peranan PIDM, termasuk sebagai pihak berkuasa resolusi, serta bagaimana kami memastikan konsumen kewangan boleh terus mendapat akses kepada wang mereka. Ini dapat menanam keyakinan yang berpaksikan kepada kefahaman dan keyakinan.

Fasa ini bukan ditakrifkan oleh perubahan mendadak, tetapi oleh penambahbaikan berterusan terhadap pendekatan, perkongsian dan keupayaan. Seiring dengan perkembangan standard global dan keutamaan nasional, komitmen kami tetap jelas: melindungi konsumen kewangan, memelihara keyakinan, serta membantu memastikan kestabilan sistem kewangan Malaysia, walau apa jua cabaran yang mendarang.

